

Penstriman *Go Live* dalam YouTube

YOUTube merupakan satu laman sesawang (*web*) video terkemuka dunia menjadikannya mudah untuk bersiaran langsung dengan berita, permainan, muzik atau untuk apa sahaja sebab dengan bantuan ciri *Streaming Live* di dalamnya.

Ciri-ciri *YouTube Go Live* tersedia untuk semua orang supaya mudah bersiaran langsung dengan mengalirkan video daripada komputer, tablet atau telefon pintar.

Sebelum memulakan video secara langsung di YouTube, pengguna perlu membuktikan identiti terlebih dahulu dengan nombor telefon dan pastikan diri anda membuktikan identiti anda ke YouTube.

Setelah bersetuju dengan kesemua terma dan syarat, YouTube akan mengambil masa maksimum selama 24 jam untuk membenarkan kembali capaian ciri aliran langsung atau *Go Live*.

Sebaik selesai dengan bahagian pengesahan, pengguna boleh terus bersiaran langsung di YouTube.

Pertama sekali, pengguna perlu mendaftarkan diri untuk siaran langsung. Ikuti langkah seterusnya untuk mendaftarkan diri dalam YouTube dengan jayanya.

1 Buka pelayar sesawang dan pergi ke laman web YouTube atau pengguna mudah alih boleh menggunakan aplikasi YouTube.

2 Jika belum log masuk lagi, log masuk dengan menggunakan akaun YouTube. Jadikan diri pasti tentang log masuk dengan akaun yang ingin gunakan untuk strim langsung.

3 Sekarang klik ikon kamera sebelah kanan atas

Tutorial ICT

Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com



dan kemudian pilih pilihan *Go live*. Dengan mengklik padanya, pengguna akan dibawa terus ke halaman pendaftaran langsung.

4 Pada halaman seterusnya klik butang *Get started* dan sahkan akaun yang digunakan.

5 Dari menu jatuh ke bawah, cari nama negara daripada senarai dan pilihnyanya.

6 Sekarang, pilih bagaimana cara penghantaran kod pengesahan sama ada menerusi panggilan suara atau hanya teks. Pilih pilihan yang sesuai, masukkan nombor telefon dan klik pada butang *Submit*. Sila masukkan nombor telefon mudah alih yang digunakan.

7 Periksa telefon bimbit untuk panggilan suara atau teks kod pengesahan. Taip kod enam digit pada halaman YouTube. Kemudian klik pada butang *Submit*.

8 Klik butang *Continue* yang berada di bahagian atas halaman.

Akhirnya pengguna perlu banyak bersabar kerana YouTube akan mengambil masa 24 jam untuk mengesahkan akaun yang didaftarkan.

Sekiranya akaun tersebut berada dalam kedudukan yang baik dan identiti berjaya disahkan, pengguna dibenarkan untuk menghidupkan video secara langsung di YouTube.